



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 68
No. 1

2hb Januari 2025

*TAMBAHAN No. 1
ENAKMEN*

Enakmen ini yang diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman pada 25 – 26 Ogos 2024 diisytiharkan untuk pengetahuan am:

The following Enactment passed in the Kedah Darul Aman State Legislative Assembly, on the 25 – 26 August 2024 is published for general information:

No.

Tajuk Ringkas/Short Title

Enakmen 36

Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2024
Syariah Court (Kedah Darul Aman) Enactment 2024



UNDANG-UNDANG NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Enakmen 36

**ENAKMEN MAHKAMAH SYARIAH
(KEDAH DARUL AMAN) 2024**

Tarikh Persetujuan DiRaja ... 18 Disember 2024

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* ... 2 Januari 2025

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG NEGERI KEDAH DARUL AMAN**Enakmen 36****ENAKMEN MAHKAMAH SYARIAH
(KEDAH DARUL AMAN) 2024**

BETA SETUJU,

(MOHOR KERAJAAN)

AL AMINUL KARIM
SULTAN SALLEHUDDIN IBNI
ALMARHUM SULTAN BADLISHAH
Sultan Negeri Kedah Darul Aman

16 Jamadilakhir 1446
18 Disember 2024

Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan berhubungan dengan pentadbiran kehakiman Syariah dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI oleh Dewan Undangan Negeri Kedah seperti berikut:

BAHAGIAN I**PERMULAAN****Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2024.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Enakmen ini.

Tafsiran

2. (1) Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Enakmen Pentadbiran” ertinya Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 [*Enakmen No. 9/2008*];

“Hakim Syarie” ertinya Ketua Hakim Syarie, Hakim Mahkamah Utama Syariah, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau Hakim Mahkamah Rendah Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dilantik di bawah subseksyen 8(1), 9(1), 10(1), 11(1) atau 13(1);

“Hukum Syarak” ertinya Hukum Syarak mengikut Mazhab Syafii atau mengikut mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki atau Hambali;

“Ketua Hakim Syarie” ertinya Ketua Hakim Syarie yang dilantik di bawah subseksyen 8(1);

“Ketua Pendakwa Syarie” ertinya pegawai yang dilantik di bawah subseksyen 44(1) Enakmen Pentadbiran;

“Lembaga” ertinya Lembaga Pelantikan Kehakiman Syariah yang ditubuhkan di bawah seksyen 4;

“mahkamah sivil” ertinya mana-mana mahkamah yang ditubuhkan di bawah Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan;

“Mahkamah Syariah” atau “Mahkamah” ertinya Mahkamah Utama Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rendah Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ditubuhkan di bawah Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah;

“Majlis” ertinya Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1) Enakmen Pentadbiran;

“Negeri” ertinya Negeri Kedah Darul Aman;

“Pendaftar” ertinya Ketua Pendaftar Mahkamah Utama Syariah, Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah atau Penolong Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dan Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah yang dilantik di bawah seksyen 16;

“Peguam Syarie” ertinya mana-mana orang yang diterima sebagai Peguam Syarie di bawah seksyen 46 Enakmen Pentadbiran;

“saraan” ertinya gaji pokok, elaun, imbuhan, honorarium, pengangkutan percuma atau bersubsidi dan keistimewaan lain yang dapat dinilai dengan wang;

“teknologi komunikasi jarak jauh” ertinya suatu rangkaian video secara langsung, rangkaian televisyen secara langsung atau apa-apa cara komunikasi elektronik yang lain.

(2) Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Enakmen ini dan tidak ditakrifkan dalam Enakmen ini tetapi ditakrifkan dalam Bahagian I Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*] hendaklah masing-masing mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Bahagian itu setakat yang erti itu tidak bercanggah dengan Hukum Syarak.

Kecualian prerogatif

3. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata dalam Enakmen ini, tiada apa jua yang terkandung dalam Enakmen ini boleh mengurangkan atau menyentuh hak dan kuasa prerogatif Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Agama Islam di dalam Negeri sebagaimana yang ditetapkan dan dinyatakan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah.

BAHAGIAN II**LEMBAGA PELANTIKAN KEHAKIMAN SYARIAH****Penubuhan Lembaga**

4. (1) Suatu Lembaga Pelantikan Kehakiman Syariah adalah ditubuhkan bagi maksud menjalankan fungsi yang berikut:

- (a) mengesyorkan orang berkeelayakan yang sesuai yang wajar dilantik sebagai Hakim Mahkamah Utama Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah untuk pertimbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan; dan
- (b) menetapkan dan melaksanakan kaedah dan syarat bagi pemilihan Hakim Mahkamah Utama Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah.

(2) Lembaga hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu bagi, atau yang berhubung dengan, atau yang semunasabahnya bersampingan dengan, pelaksanaan fungsinya di bawah Enakmen ini.

(3) Lembaga boleh menentukan tatacaranya sendiri.

Keanggotaan Lembaga

5. (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Ketua Hakim Syarie sebagai Pengerusi;
- (b) seorang bekas hakim Mahkamah Tinggi sivil atau yang lebih atas;
- (c) Setiausaha Kerajaan Negeri;
- (d) Penasihat Undang-Undang Negeri;

- (e) Presiden Mahkamah Rayuan Syariah atau Hakim Mahkamah Rayuan Syariah yang paling kanan;
- (f) seorang Peguam Syarie yang dilantik oleh Ketua Hakim Syarie; dan
- (g) dua anggota yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan yang arif dalam Hukum Syarak atau undang-undang.

(2) Jika pada bila-bila masa orang yang memegang jawatan yang disebut dalam perenggan (1)(d) bukan orang yang beragama Islam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan hendaklah melantik seorang pegawai lain yang beragama Islam dan paling kanan selepas pegawai itu dari jabatan atau bahagian yang sama dengan orang itu untuk menjadi anggota bagi menggantikan orang itu.

(3) Anggota Lembaga yang dilantik di bawah perenggan (1)(b), (1)(f) dan (1)(g) hendaklah memegang jawatan selama tempoh tiga tahun dan boleh dilantik semula.

(4) Tempoh bagi pelantikan mana-mana anggota Lembaga di bawah perenggan (1)(b), (1)(f) dan (1)(g) yang baharu bagi maksud mengisi kekosongan hendaklah tamat pada tempoh masa yang sama dengan anggota Lembaga yang dilantik sebelumnya.

(5) Kuorum Lembaga adalah lima orang termasuk Pengerusi.

(6) Sekiranya Ketua Hakim Syarie tidak dapat menunaikan fungsi sebagai Pengerusi atau berlaku kekosongan dalam jawatan itu, maka fungsi Pengerusi tersebut hendaklah dijalankan oleh mana-mana anggota Lembaga, yang dipilih secara majoriti, di kalangan Lembaga itu.

(7) Ketua Pendaftar Mahkamah Utama Syariah hendaklah menjadi Setiausaha kepada Lembaga.

(8) Anggota Lembaga boleh dibayar apa-apa elaun yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan

6. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, boleh membatalkan pelantikan mana-mana anggota Lembaga jika—

- (a) kelakuannya, sama ada yang berkaitan dengan tugasnya sebagai anggota atau selainnya, memburukkan nama Lembaga;
- (b) dia telah disabitkan atas kesalahan jenayah termasuklah kesalahan jenayah syariah, sekiranya telah dibuktikan terhadapnya, atau jika dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan—
 - (i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau
 - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda;
- (c) dia menjadi tidak berupaya untuk menjalankan tugasnya dengan sempurna sebagai anggota;
- (d) dia bertindak bertentangan dengan kepentingan Lembaga; atau
- (e) dia diisytiharkan bankrap.

(2) Mana-mana anggota Lembaga boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan mengemukakan notis bertulis melalui Pengerusi dan dialamatkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Kehilangan kelayakan dalam mesyuarat pemilihan

7. Mana-mana anggota Lembaga hilang kelayakan daripada menghadiri atau mengambil bahagian dalam sesuatu mesyuarat pemilihan jika dia sedang dipertimbang bagi pemilihan itu.

BAHAGIAN III

PELANTIKAN

Pelantikan Ketua Hakim Syarie

8. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, atas nasihat Majlis, melantik seorang Ketua Hakim Syarie.

(2) Mana-mana orang layak dilantik sebagai Ketua Hakim Syarie jika dia—

(a) adalah seorang warganegara; dan

(b) bagi tempoh dua puluh tahun sebelum pelantikannya—

(i) dia telah berkhidmat sebagai pegawai syariah Negeri;

(ii) dia telah berkhidmat dalam bidang undang-undang syariah atau sivil serta berpengetahuan dalam Hukum Syarak; atau

(iii) pada suatu masa dia berkhidmat di bawah subperenggan (i) dan pada satu masa lain berkhidmat di bawah subperenggan (ii).

(3) Pelantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(4) Bilamana semasa apa-apa tempoh, disebabkan oleh sakit atau ketiadaan di Malaysia atau apa-apa sebab lain, Ketua Hakim Syarie tidak dapat menjalankan kuasa atau melaksanakan tugas kehakiman sebagaimana yang diperuntukkan oleh Enakmen ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, menurut budi bicara Baginda, memperkenankan kuasa itu dipunyai dan bolehlah dijalankan dan tugas itu bolehlah dilaksanakan oleh mana-mana Hakim Mahkamah Utama Syariah yang lain.

(5) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, atas nasihat Majlis, membatalkan pelantikan Ketua Hakim Syarie jika—

- (a) dia melanggar mana-mana peruntukan Kod Etika Hakim Syarie yang ditetapkan; atau
- (b) dia tidak berkeupayaan oleh sebab kelemahan tubuh atau otak atau apa-apa sebab lain untuk menyempurnakan fungsi dengan sepatutnya.

Pelantikan Hakim Mahkamah Utama Syariah

9. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, atas syor Lembaga, melantik Hakim Mahkamah Utama Syariah.

(2) Mana-mana orang layak dilantik sebagai seorang Hakim Mahkamah Utama Syariah jika dia seorang warganegara dan memenuhi mana-mana syarat yang berikut:

- (a) pernah memegang jawatan sebagai seorang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah; atau
- (b) bagi tempoh dua puluh tahun sebelum pelantikannya—
 - (i) dia telah berkhidmat dalam perkhidmatan perundangan dan kehakiman persekutuan atau sebagai pegawai syariah mana-mana negeri;
 - (ii) dia telah berkhidmat dalam bidang undang-undang syariah atau sivil serta berpengetahuan dalam Hukum Syarak; atau
 - (iii) pada suatu masa berkhidmat di bawah subperenggan (i) dan pada satu masa lain berkhidmat di bawah subperenggan (ii).

(3) Setiap pelantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(4) Mana-mana orang yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah memegang jawatan selama tempoh tiga tahun dan boleh dilantik semula.

Pelantikan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah

10. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, atas syor Lembaga, melantik Hakim Mahkamah Rayuan Syariah.

(2) Mana-mana orang layak dilantik sebagai Hakim Mahkamah Rayuan Syariah jika dia seorang warganegara dan bagi tempoh lima belas tahun sebelum pelantikannya—

(a) dia telah berkhidmat sebagai pegawai syariah Negeri; atau

(b) dia telah berkhidmat dalam bidang undang-undang syariah atau sivil serta berpengetahuan dalam Hukum Syarak.

(3) Mana-mana orang yang dilantik di bawah perenggan (2)(b) hendaklah memegang jawatan selama tempoh tiga tahun dan boleh dilantik semula.

(4) Setiap pelantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(5) Ketua Hakim Syarie hendaklah melantik seorang daripada kalangan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah sebagai Presiden Mahkamah Rayuan Syariah.

Pelantikan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah

11. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, atas syor Lembaga, melantik Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

(2) Mana-mana orang layak dilantik sebagai seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah jika—

(a) dia seorang warganegara; dan

(b) bagi tempoh sepuluh tahun sebelum pelantikannya, dia telah berkhidmat sebagai pegawai syariah Negeri.

(3) Setiap pelantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

Sumpah jawatan

12. (1) Ketua Hakim Syarie hendaklah, sebelum menjalankan fungsi jawatannya, bersumpah di hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan sumpah itu adalah seperti dalam Bahagian I Jadual Enakmen ini.

(2) Mana-mana Hakim Mahkamah Utama Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah, sebelum menjalankan fungsi jawatannya, hendaklah bersumpah di hadapan Ketua Hakim Syarie dan sumpah itu adalah seperti dalam Bahagian II Jadual Enakmen ini.

Pelantikan Hakim Mahkamah Rendah Syariah

13. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, atas syor Ketua Hakim Syarie, melantik apa-apa bilangan Hakim Mahkamah Rendah Syariah daripada kalangan pegawai syariah Negeri.

(2) Setiap pelantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

Pembatalan pelantikan Hakim Mahkamah Utama, Rayuan, Tinggi dan Rendah Syariah

14. (1) Jika Ketua Hakim Syarie membuat representasi kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan bahawa seorang Hakim Mahkamah Utama Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah patut dibatalkan oleh sebab—

- (a) dia melanggar mana-mana peruntukan Kod Etika Hakim Syarie yang ditetapkan; atau
- (b) dia tidak berkeupayaan oleh sebab kelemahan tubuh atau otak atau apa-apa sebab lain untuk menyempurnakan fungsi dengan sepatutnya,

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan hendaklah melantik suatu tribunal menurut subseksyen (2) dan merujuk representasi itu kepadanya, dan atas syor tribunal itu Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Sultan boleh membatalkan pelantikan Hakim Mahkamah Utama Syariah, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah dan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah itu daripada jawatannya.

(2) Tribunal tersebut hendaklah mengandungi tidak kurang daripada lima orang anggota yang beragama Islam yang sedang berkhidmat atau pernah berkhidmat tidak rendah daripada jawatan hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau hakim Mahkamah Tinggi sivil di Malaysia dan tribunal itu hendaklah diketuai oleh seorang dari kalangan anggota itu yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan.

(3) Sementara menantikan apa-apa representasi dan laporan di bawah subseksyen (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, atas syor Ketua Hakim Syarie, menggantung mana-mana Hakim Mahkamah Utama Syariah, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah dan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah daripada menjalankan tugasnya.

(4) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan setelah mengambil kira keadaan yang dinyatakan dalam perenggan (1)(a) dan (b), selepas berunding dengan Ketua Hakim Syarie, boleh menurut budi bicara Baginda, membatalkan pelantikan mana-mana Hakim Mahkamah Rendah Syariah.

Kesan persaraan

15. Kesahan apa-apa jua yang dilakukan oleh seorang Ketua Hakim Syarie, Hakim Mahkamah Utama Syariah, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah dan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah tidak boleh dipersoal atas alasan bahawa hakim itu telah mencapai had umur yang dia dikehendaki bersara.

Pelantikan Pendaftar

16. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, atas syor Ketua Hakim Syarie, melantik Pendaftar daripada kalangan anggota perkhidmatan awam Negeri.

(2) Setiap pelantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(3) Pendaftar yang dilantik di bawah subsekyen (1) hendaklah, selain dinyatakan sebaliknya dalam mana-mana undang-undang bertulis atau arahan oleh Ketua Hakim Syarie, mempunyai semua kuasa dan tugas yang perlu bagi menjalankan pentadbiran Mahkamah.

Pelantikan bailif

17. (1) Ketua Hakim Syarie mempunyai kuasa untuk melantik mana-mana Pendaftar, kerani atau pegawai mahkamah sebagai bailif.

(2) Bailif hendaklah melaksanakan segala saman, waran, perintah, kaedah, notis, suruhan dan proses lain mana-mana Mahkamah yang diberikan kepadanya oleh Mahkamah itu, dan hendaklah membuat suatu penyata mengenainya serta cara pelaksanaannya kepada Mahkamah yang daripadanya proses itu dikeluarkan, dan hendaklah menerima semua orang yang dikomitkan ke dalam jagaannya oleh Mahkamah.

BAHAGIAN IV

MAHKAMAH UTAMA SYARIAH

Bidang kuasa Mahkamah Utama Syariah

18. (1) Mahkamah Utama Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan apa-apa rayuan terhadap apa-apa keputusan Mahkamah Rayuan Syariah dalam bidang kuasa rayuannya berkenaan apa-apa perkara yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah dalam bidang kuasa asalnya.

(2) Apabila suatu rayuan daripada sesuatu keputusan Mahkamah Tinggi Syariah telah diputuskan oleh Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Utama Syariah boleh atas permohonan mana-mana pihak memberikan kebenaran untuk diputuskan apa-apa persoalan undang-undang berkepentingan awam yang telah timbul dalam penjalanan rayuan itu dan yang keputusannya oleh Mahkamah Rayuan Syariah telah menyentuh keputusan rayuan itu.

(3) Apabila kebenaran kepada permohonan di bawah subseksyen (2) telah diberikan oleh Mahkamah Utama Syariah, Mahkamah itu hendaklah mendengar dan memutuskan persoalan yang dibenar dirujukkan bagi keputusannya dan membuat apa-apa perintah yang boleh dibuat oleh Mahkamah Rayuan Syariah dan yang difikirkannya adil bagi penyelesaian rayuan itu.

Permohonan kebenaran merayu ke Mahkamah Utama Syariah

19. (1) Suatu rayuan atau permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk merayu di bawah subseksyen 18(2) hendaklah dibuat kepada Mahkamah Utama Syariah mengikut apa-apa cara yang ditetapkan, tetapi dalam apa-apa keadaan hendaklah dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penghakiman, perintah atau keputusan yang berkenaan dengannya permohonan itu dibuat atau, dalam keadaan apabila pemohon tidak mengetahuinya pada tarikh itu dan tidak dengan menjalankan usaha yang munasabah boleh mengetahuinya, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penghakiman, perintah atau keputusan itu sampai kepada pengetahuannya.

(2) Mahkamah Utama Syariah, apabila mendengar mana-mana permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk merayu, boleh atas alasan khas, melanjutkan masa untuk merayu, walaupun masanya telah habis tempoh.

Keanggotaan Mahkamah Utama Syariah

20. (1) Suatu rayuan dalam Mahkamah Utama Syariah hendaklah didengar dan diputuskan oleh seorang pengerusi dan dua orang Hakim Mahkamah Utama Syariah yang lain atau bilangan ganjil yang lebih besar yang ditentukan oleh Ketua Hakim Syarie daripada kalangan Hakim Mahkamah Utama Syariah.

(2) Ketua Hakim Syarie hendaklah menjadi pengerusi tiap-tiap prosiding Mahkamah Utama Syariah, melainkan—

- (a) jika rayuan dalam Mahkamah Utama Syariah itu ialah terhadap keputusan Ketua Hakim Syarie yang telah bersidang sebagai Hakim Mahkamah Rayuan Syariah; atau

- (b) jika Ketua Hakim Syarie tidak dapat mempengerusikan kerana apa-apa sebab lain,

Hakim Mahkamah Utama Syariah yang paling kanan hendaklah menjadi pengerusi.

(3) Walau apa pun seksyen 9, Ketua Hakim Syarie boleh melantik mana-mana Hakim Mahkamah Rayuan Syariah untuk menjadi seorang anggota Mahkamah Utama Syariah bagi mana-mana prosiding yang tertentu jika Ketua Hakim Syarie berpendapat wajar berbuat demikian.

Keputusan Mahkamah Utama Syariah ikut majoriti

21. Prosiding hendaklah diputuskan mengikut pendapat majoriti hakim yang menganggotai Mahkamah Utama Syariah itu.

Persidangan Mahkamah Utama Syariah

22. (1) Mahkamah Utama Syariah hendaklah bersidang pada apa-apa tarikh dan di mana-mana tempat yang ditetapkan oleh Ketua Hakim Syarie dari semasa ke semasa.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika pengerusi Mahkamah Utama Syariah dilantik selain Ketua Hakim Syarie, pengerusi itu dengan persetujuan Ketua Hakim Syarie, boleh mengarahkan supaya apa-apa rayuan didengar pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat di dalam Negeri, jika didapatinya suai manfaat.

(3) Pengerusi boleh membatalkan atau menangguhkan mana-mana persidangan Mahkamah yang telah ditetapkan di bawah subseksyen (1).

Penerusan prosiding di Mahkamah Utama Syariah walaupun hakim tiada

23. (1) Jika, dalam perjalanan apa-apa prosiding atau dalam hal suatu penghakiman tertangguh, pada bila-bila masa sebelum diumumkan penghakiman itu, mana-mana Hakim Mahkamah Utama

Syariah yang mendengar prosiding itu tidak dapat menghadiri prosiding itu atau selainnya menjalankan fungsinya sebagai hakim Mahkamah itu kerana sakit atau apa-apa sebab lain, pendengaran prosiding itu hendaklah diteruskan dan penghakiman atau penghakiman tertangguh, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah diberikan oleh Hakim Mahkamah Utama Syariah yang tinggal, yang tidak kurang daripada dua orang, dan Mahkamah hendaklah bagi maksud prosiding itu, disifatkan dianggotai dengan wajar walaupun hakim itu tidak hadir atau tidak berdaya menjalankan tugasnya sebagaimana yang disebut terdahulu.

(2) Dalam mana-mana hal itu sebagaimana yang disebutkan dalam subseksyen (1), prosiding itu hendaklah diputuskan mengikut pendapat majoriti hakim Mahkamah yang tinggal itu dan jika tidak ada majoriti, prosiding itu hendaklah didengar semula.

BAHAGIAN V

MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH

Bidang kuasa Mahkamah Rayuan Syariah

24. (1) Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan apa-apa rayuan terhadap apa-apa keputusan Mahkamah Tinggi Syariah dalam bidang kuasa asal atau bidang kuasa rayuannya.

(2) Apabila suatu rayuan daripada suatu keputusan Mahkamah Rendah Syariah telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah boleh atas permohonan mana-mana pihak memberikan kebenaran untuk diputuskan apa-apa persoalan undang-undang berkepentingan awam yang telah timbul dalam perjalanan rayuan itu dan yang keputusannya oleh Mahkamah Tinggi Syariah telah menyentuh keputusan rayuan itu.

(3) Apabila kebenaran telah diberikan oleh Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah itu hendaklah mendengar dan memutuskan persoalan yang dibenar dirujukkan bagi keputusannya dan membuat apa-apa perintah yang boleh dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah dan yang difikirkannya adil bagi penyelesaian rayuan itu.

Permohonan kebenaran merayu ke Mahkamah Rayuan Syariah

25. (1) Suatu rayuan atau permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk merayu di bawah subseksyen 24(2) hendaklah dibuat kepada Mahkamah Rayuan Syariah mengikut apa-apa cara yang ditetapkan, tetapi dalam apa-apa keadaan hendaklah dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penghakiman, perintah atau keputusan yang berkenaan dengannya permohonan itu dibuat atau, dalam keadaan apabila pemohon tidak mengetahuinya pada tarikh itu dan tidak dengan menjalankan usaha yang munasabah dapat mengetahuinya, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penghakiman, perintah atau keputusan itu sampai kepada pengetahuannya.

(2) Mahkamah Rayuan Syariah, apabila mendengar mana-mana permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk merayu, boleh atas alasan khas, melanjutkan masa untuk merayu, walaupun masanya telah habis tempoh.

Bidang kuasa pengawasan dan penyemakan Mahkamah Rayuan Syariah

26. (1) Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa pengawasan dan penyemakan ke atas Mahkamah Tinggi Syariah dan boleh, jika didapati perlu olehnya demi kepentingan keadilan, sama ada atas usulnya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak atau orang yang berkepentingan, pada mana-mana peringkat dalam apa-apa perkara atau prosiding, sama ada mal atau jenayah, dalam Mahkamah Tinggi Syariah, memanggil dan memeriksa mana-mana rekod tentang perkara atau prosiding itu dan boleh memberikan apa-apa arahan yang dikehendaki demi keadilan.

(2) Apabila Mahkamah Rayuan Syariah memanggil rekod tentang apa-apa perkara atau prosiding di bawah subseksyen (1), semua prosiding dalam Mahkamah Tinggi Syariah tentang perkara atau prosiding itu hendaklah digantung sementara menanti perintah selanjutnya daripada Mahkamah Rayuan Syariah.

Keanggotaan Mahkamah Rayuan Syariah

27. (1) Suatu rayuan dalam Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah didengar dan diputuskan oleh seorang pengerusi dan dua orang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah yang lain atau bilangan ganjil yang lebih besar yang ditentukan oleh Presiden Mahkamah Rayuan Syariah daripada kalangan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah.

(2) Walau apa pun seksyen 10, Ketua Hakim Syarie boleh mengarahkan mana-mana Hakim Mahkamah Tinggi Syariah untuk menjadi seorang anggota Mahkamah Rayuan Syariah bagi mana-mana prosiding yang tertentu jika Ketua Hakim Syarie berpendapat wajar berbuat demikian.

(3) Presiden Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah menjadi pengerusi tiap-tiap prosiding Mahkamah Rayuan Syariah, melainkan —

(a) jika rayuan dalam Mahkamah Rayuan Syariah itu ialah terhadap keputusan Presiden Mahkamah Rayuan Syariah yang telah bersidang sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah; atau

(b) jika Presiden Mahkamah Rayuan Syariah tidak dapat mempengerusikan kerana apa-apa sebab lain,

Ketua Hakim Syarie hendaklah melantik hakim yang paling kanan antara Hakim Mahkamah Rayuan Syariah untuk menjadi pengerusi.

Keputusan Mahkamah Rayuan Syariah ikut majoriti

28. Prosiding hendaklah diputuskan mengikut pendapat majoriti hakim yang menganggotai Mahkamah Rayuan Syariah itu.

Persidangan Mahkamah Rayuan Syariah

29. (1) Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah bersidang pada apa-apa tarikh dan di mana-mana tempat yang ditetapkan oleh Presiden Mahkamah Rayuan Syariah dari semasa ke semasa dengan persetujuan Ketua Hakim Syarie.

(2) Presiden Mahkamah Rayuan Syariah boleh membatalkan atau menangguhkan mana-mana persidangan Mahkamah yang telah ditetapkan di bawah subseksyen (1).

Penerusan prosiding di Mahkamah Rayuan Syariah walaupun hakim tiada

30. (1) Jika, dalam perjalanan apa-apa prosiding atau dalam hal sesuatu penghakiman tertangguh, pada bila-bila masa sebelum diumumkan penghakiman itu, mana-mana Hakim Mahkamah Rayuan Syariah yang mendengar prosiding itu tidak dapat menghadiri prosiding itu atau selainnya menjalankan fungsinya sebagai hakim Mahkamah itu kerana sakit atau apa-apa sebab lain, pendengaran prosiding itu hendaklah diteruskan dan penghakiman atau penghakiman tertangguh, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah diberikan oleh Hakim Mahkamah Rayuan Syariah yang tinggal, yang tidak kurang daripada dua orang, dan Mahkamah hendaklah bagi maksud prosiding itu, disifatkan dianggotai dengan wajar walaupun hakim itu tidak hadir atau tidak berdaya menjalankan tugasnya sebagaimana yang disebut terdahulu.

(2) Dalam mana-mana hal itu sebagaimana yang disebutkan dalam subseksyen (1), prosiding itu hendaklah diputuskan mengikut pendapat majoriti hakim Mahkamah yang tinggal itu dan jika tidak ada majoriti, prosiding itu hendaklah didengar semula.

BAHAGIAN VI

MAHKAMAH TINGGI SYARIAH

Bidang kuasa asal Mahkamah Tinggi Syariah

31. (1) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa di seluruh Negeri dan hendaklah diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

(2) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah—

- (a) dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seorang yang beragama Islam dan boleh dihukum di bawah mana-mana

undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa yang menetapkan kesalahan dan boleh mengenakan apa-apa hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu;

- (b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan atau prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu ialah orang beragama Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubung dengan—
- (i) pertunangan, perkahwinan, rujuk, perceraian, pembubaran perkahwinan (*fasakh*), *nusyuz*, pemisahan kehakiman (*faraq*) atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan perhubungan di antara suami dan isteri;
 - (ii) apa-apa pelupusan atau tuntutan harta yang berbangkit daripada mana-mana perkara yang dinyatakan dalam subperenggan (b)(i);
 - (iii) nafkah orang tanggungan, kesahtarafan, atau penjagaan atau *hadanah* kanak-kanak;
 - (iv) pembahagian atau tuntutan harta sepencarian;
 - (v) kesahan suatu wasiat atau hibah semasa marad-al-maut si mati beragama Islam;
 - (vi) hibah atau pemberian atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang oleh seorang beragama Islam;
 - (vii) kesahan zakat, *wakaf*, *nazr* atau amanah;
 - (viii) pembahagian dan pewarisan harta berwasiat atau tidak berwasiat;
 - (ix) penentuan orang yang berhak kepada bahagian harta pusaka si mati yang beragama Islam atau bahagian-bahagian yang kepadanya masing-masing orang itu berhak;

- (x) pelantikan, pemecatan atau pengawalan penjaga diri atau harta bagi kanak-kanak atau apa-apa perkara yang berkaitan atau berhubungan dengannya;
- (xi) pengisytiharan bahawa seorang itu bukan lagi orang Islam;
- (xii) perisytiharan bahawa si mati itu ialah seorang yang beragama Islam pada masa kematiannya; dan
- (xiii) perkara lain yang berkenaan dengannya bidang kuasa diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah atau mana-mana undang-undang bertulis.

Rayuan kepada Mahkamah Tinggi Syariah

32. (1) Rayuan hendaklah dibuat kepada Mahkamah Tinggi Syariah daripada apa-apa keputusan suatu Mahkamah Rendah Syariah—

- (a) dalam bidang kuasa jenayahnya, oleh pendakwa atau oleh orang yang telah disabitkan, dan rayuan itu boleh dibuat sama ada terhadap pembebasan, sabitan atau hukuman atau mana-mana daripadanya;
- (b) dalam bidang kuasa malnya—
 - (i) oleh mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan itu, jika amaun yang dituntut itu tidak kurang daripada tiga ribu ringgit;
 - (ii) dalam semua kes yang melibatkan apa-apa keputusan mengenai taraf diri, oleh mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan itu; dan
 - (iii) dalam semua kes yang berhubung dengan nafkah orang tanggungan, oleh mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan itu,

tetapi tiada rayuan boleh dibuat terhadap keputusan yang telah dibuat dengan persetujuan; dan

- (c) dalam apa-apa kes lain, jika Mahkamah Tinggi Syariah memberikan kebenaran untuk merayu.
- (2) Dalam mana-mana rayuan, Mahkamah Tinggi Syariah boleh—
- (a) dalam perkara jenayah, menolak rayuan, mensabitkan dan menghukum pihak yang merayu, memerintahkan Mahkamah perbicaraan memanggil pembelaan atau membuat siasatan lanjut, menambah atau meminda bentuk hukuman, memerintahkan perbicaraan semula, atau meminda atau mengakaskan apa-apa perintah Mahkamah perbicaraan; dan
 - (b) dalam perkara mal, mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan Mahkamah perbicaraan, menjalankan mana-mana kuasa yang boleh dijalankan oleh Mahkamah perbicaraan, membuat apa-apa perintah yang sepatutnya dibuat oleh Mahkamah perbicaraan, atau memerintahkan perbicaraan semula.

Permohonan kebenaran merayu ke Mahkamah Tinggi Syariah

33. (1) Suatu rayuan atau permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk merayu di bawah perenggan 32(1)(c) hendaklah dibuat kepada Mahkamah Tinggi Syariah mengikut apa-apa cara yang ditetapkan, tetapi dalam apa-apa keadaan hendaklah dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penghakiman, perintah atau keputusan yang berkenaan dengannya permohonan itu dibuat atau, dalam keadaan apabila pemohon tidak mengetahuinya pada tarikh itu dan tidak dengan menjalankan usaha yang munasabah dapat mengetahuinya, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penghakiman, perintah atau keputusan itu sampai kepada pengetahuannya.

(2) Mahkamah Tinggi Syariah boleh, atas alasan khas, melanjutkan masa untuk merayu walaupun masanya telah habis tempoh sekiranya permohonan untuk melanjutkan masa untuk merayu dibuat oleh mana-mana orang yang disebutkan dalam subseksyen 32(1).

Bidang kuasa pengawasan dan penyemakan Mahkamah Tinggi Syariah

34. (1) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa pengawasan dan penyemakan ke atas semua Mahkamah Rendah Syariah dan boleh, jika didapati perlu demi kepentingan keadilan, sama ada atas usulnya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak atau orang yang berkepentingan, pada mana-mana peringkat dalam apa-apa perkara atau prosiding, sama ada mal atau jenayah, dalam mana-mana Mahkamah Rendah Syariah, memanggil dan memeriksa mana-mana rekod tentang perkara atau prosiding itu dan boleh memberikan apa-apa arahan yang dikehendaki demi keadilan.

(2) Apabila Mahkamah Tinggi Syariah memanggil rekod apa-apa perkara atau prosiding di bawah subseksyen (1), semua prosiding dalam Mahkamah Rendah Syariah tentang perkara atau prosiding itu hendaklah digantung sementara menanti perintah selanjutnya daripada Mahkamah Tinggi Syariah.

BAHAGIAN VII**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH****Bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah**

35. (1) Suatu Mahkamah Rendah Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa di seluruh Negeri dan hendaklah diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Rendah Syariah.

(2) Mahkamah Rendah Syariah hendaklah—

- (a) dalam bidang kuasa jenayah, tertakluk kepada bidang kuasa tempatannya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seorang yang beragama Islam di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang menetapkan kesalahan yang baginya hukuman maksimum yang diperuntukkan oleh undang-undang bertulis itu tidak melebihi tiga ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh dua tahun atau kedua-duanya, dan boleh mengenakan mana-mana hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu; dan

- (b) dalam bidang kuasa mal, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang Mahkamah Tinggi Syariah diberi kuasa untuk mendengar dan memutuskannya, jika amaun atau nilai hal perkara yang dipertikaikan itu tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau tidak dapat dianggarkan dengan wang tetapi tidak termasuk tuntutan *hadanah*, *hibah*, *wasiat*, *zakat*, *wakaf*, *nazr*, *amanah*, penjagaan harta kanak-kanak atau harta sepencarian.

(3) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, melalui pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta*, memperluas bidang kuasa mal Mahkamah Rendah Syariah.

BAHAGIAN VIII

AM

Perakuan pewarisan

36. (1) Jika dalam perjalanan mana-mana prosiding yang berhubung dengan pentadbiran atau pembahagian harta pusaka si mati yang beragama Islam, mana-mana mahkamah sivil atau pihak berkuasa, selain Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rendah Syariah, mempunyai kewajipan untuk menentukan—

- (a) orang yang berhak mendapat bahagian dalam harta pusaka itu; atau
- (b) bahagian-bahagian yang kepadanya masing-masing orang itu berhak.

(2) Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rendah Syariah boleh, atas permohonan mana-mana orang yang menuntut bahawa dia menjadi benefisiari atau wakilnya, dan apabila dibayar fi yang ditetapkan, memperakukan fakta yang didapati oleh Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rendah Syariah itu dan pendapatnya tentang orang yang berhak kepada bahagian dalam harta pusaka itu dan tentang bahagian-bahagian yang padanya masing-masing orang itu berhak.

Premis Mahkamah Syariah

37. Majlis boleh menetapkan mana-mana premis untuk digunakan sebagai Mahkamah Syariah melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Meterai

38. Setiap Mahkamah Syariah hendaklah mempunyai suatu meterai atau cap rasmi daripada jenis dan corak yang boleh ditetapkan oleh Ketua Hakim Syarie melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Penjalanan kuasa oleh Ketua Hakim Syarie, Hakim Mahkamah Utama dan Rayuan Syariah

39. Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam Enakmen ini—

- (a) Ketua Hakim Syarie atau seorang Hakim Mahkamah Utama Syariah boleh menjalankan semua atau mana-mana kuasa seorang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah dan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah; dan
- (b) Presiden Mahkamah Rayuan Syariah atau seorang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah boleh menjalankan semua atau mana-mana kuasa seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

Tempat dan cara perbicaraan

40. (1) Tempat di mana suatu Mahkamah menjalankan perbicaraan kes sama ada kes mal atau jenayah hendaklah disifat sebagai suatu mahkamah yang terbuka dan boleh dihadiri oleh orang ramai.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa untuk menjalankan perbicaraan secara tertutup, jika sekiranya Mahkamah berpuas hati bahawa tindakan demikian adalah untuk kepentingan keadilan, ketenteraman awam, keselamatan atau kepentingan awam, atau atas sebab dan alasan lain yang adil.

(3) Mahkamah boleh pada bila-bila masa memerintah mana-mana orang atau saksi supaya menahan diri daripada menyiarkan nama, alamat atau gambar mana-mana orang atau saksi yang terlibat di dalam mana-mana perbicaraan atau mana-mana keterangan atau mana-mana perkara yang mungkin boleh membawa kepada pengenalan mana-mana orang atau saksi tersebut.

(4) Mana-mana orang yang melanggar apa-apa perintah di bawah subseksyen (3) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan didenda tidak melebihi daripada seribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Penjalanan prosiding di tempat lain atau melalui teknologi komunikasi jarak jauh

41. (1) Walau apa pun seksyen 40, seorang Hakim Syarie atau Pendaftar yang menjalankan suatu prosiding bagi kes mal boleh menentukan supaya prosiding itu atau mana-mana bahagian prosiding itu dijalankan—

(a) di mana-mana tempat selain Mahkamah yang ditubuhkan di bawah Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah; atau

(b) melalui teknologi komunikasi jarak jauh.

(2) Subseksyen (1) terpakai jika Hakim Syarie atau Pendaftar itu berpuas hati bahawa setelah mengambil kira hal keadaan kes itu, adalah wajar bagi penentuan di bawah subseksyen (1) dibuat.

(3) Dalam menjalankan prosiding menurut subseksyen (1), Hakim Syarie atau Pendaftar itu hendaklah memastikan bahawa—

(a) penjalanan prosiding itu mematuhi undang-undang yang sedang berkuat kuasa, Hukum Syarak dan apa-apa arahan yang dibuat oleh pihak berkuasa yang berkenaan; dan

(b) penjalanan prosiding itu tidak menjejaskan keadilan, tidak melibatkan penyalahgunaan proses Mahkamah dan tidak terdapat unsur keraguan, penipuan dan syak.

(4) Tempat di mana prosiding dijalankan menurut subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai Mahkamah yang ditubuhkan di bawah Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah.

Perkhidmatan elektronik

42. Tertakluk kepada undang-undang bertulis, Pendaftar boleh, dengan kelulusan Ketua Hakim Syarie, mengadakan suatu perkhidmatan elektronik bagi penerimaan, pemfailan, penyampaian, pengakuteraan, pengemukaan, penyimpanan apa-apa dokumen atau pembayaran tertentu atau apa-apa perkara lain dengan menggunakan perkhidmatan itu.

Bahasa

43. Bahasa kebangsaan hendaklah menjadi bahasa bagi semua prosiding dalam Mahkamah Syariah dan semua dokumen serta nota prosiding boleh menggunakan tulisan rumi atau jawi.

Bidang kuasa tidak meliputi orang bukan Islam

44. Tiada keputusan Mahkamah Utama Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rendah Syariah boleh melibatkan hak atau harta seorang yang bukan beragama Islam.

Tindakan bersaling

45. (1) Jika mahkamah syariah di dalam mana-mana negeri atau Wilayah Persekutuan di Malaysia mengeluarkan waran atau saman, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah mana-mana undang-undang negeri atau Wilayah Persekutuan itu untuk dilaksanakan terhadap atau disampaikan kepada mana-mana orang yang berada atau dipercayai berada di dalam Negeri Kedah Darul Aman, mana-mana Hakim Syarie boleh mengendors waran atau saman itu dengan menandatangani dan waran atau saman itu boleh dilaksanakan atau disampaikan kepada orang itu seolah-olah waran atau saman itu telah dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah menurut peruntukan Enakmen ini.

(2) Jika Mahkamah Syariah mengeluarkan waran yang memberikan kuasa untuk menangkap mana-mana orang atau saman yang memanggil mana-mana orang supaya hadir di suatu Mahkamah Syariah, dan orang itu berada atau dipercayai berada di dalam negeri lain atau Wilayah Persekutuan di Malaysia dan waran atau saman itu dilaksanakan terhadap atau disampaikan kepada orang itu menurut mana-mana undang-undang negeri atau Wilayah Persekutuan itu, waran atau saman itu hendaklah, bagi maksud Enakmen ini, disifatkan telah dilaksanakan atau disampaikan dengan sewajarnya seolah-olah pelaksanaan atau penyampaian itu telah dilaksanakan atau disempurnakan di dalam Negeri Kedah Darul Aman.

(3) Jika mahkamah syariah di dalam mana-mana negeri atau Wilayah Persekutuan di Malaysia membuat suatu perintah atau penghakiman di bawah mana-mana undang-undang negeri atau Wilayah Persekutuan itu terhadap seseorang dan orang itu berada atau dipercayai berada di dalam Negeri Kedah Darul Aman, Hakim Syarie, jika dia berpuas hati bahawa perintah atau penghakiman itu telah dikeluarkan dengan sewajarnya oleh suatu mahkamah syariah yang berwibawa di dalam mana-mana negeri atau Wilayah Persekutuan di Malaysia, boleh mengendors perintah atau penghakiman itu dan perintah atau penghakiman itu bolehlah dilaksanakan atau disampaikan, mengikut mana-mana yang berkenaan, seolah-olah perintah atau penghakiman itu telah dikeluarkan dengan sah oleh mana-mana Mahkamah Syariah menurut peruntukan Enakmen ini.

(4) Jika Mahkamah Syariah membuat suatu perintah atau penghakiman terhadap mana-mana orang atau suatu perintah yang memanggil mana-mana orang supaya hadir di suatu Mahkamah Syariah dan orang itu berada atau dipercayai berada di dalam negeri lain atau Wilayah Persekutuan di Malaysia dan perintah atau penghakiman itu dilaksanakan terhadap atau disampaikan kepada orang itu mengikut mana-mana undang-undang negeri atau Wilayah Persekutuan itu, perintah atau penghakiman itu hendaklah, bagi maksud Enakmen ini, disifatkan telah dilaksanakan atau disampaikan dengan sewajarnya seolah-olah pelaksanaan atau penyampaian itu telah dilaksanakan atau disempurnakan di dalam Negeri Kedah Darul Aman.

Perlindungan Hakim Syarie, pegawai Mahkamah dll.

46. (1) Tiada seorang pun Hakim Syarie atau seorang lain yang bertindak secara kehakiman boleh dibawa guaman terhadapnya di dalam mana-mana Mahkamah atau mahkamah sivil kerana apa-apa perbuatan yang dilakukan atau diperintahkan supaya dilakukan olehnya dalam menjalankan tugas kehakimannya, sama ada atau tidak dalam had bidang kuasanya, dan tiada apa-apa perintah bagi kos boleh dibuat terhadapnya, dengan syarat bahawa pada masa itu dia dengan suci hati mempercayai yang dia mempunyai bidang kuasa untuk melakukan atau memerintahkan perbuatan yang diadakan itu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), seorang lain yang bertindak secara kehakiman termasuklah pegawai *sulh* dan Pendaftar.

(3) Tiada seorang pun pegawai Mahkamah atau seorang lain yang terikat untuk melaksanakan waran atau perintah yang sah dibuat oleh mana-mana Hakim Syarie atau orang lain yang bertindak secara kehakiman boleh dibawa guaman terhadapnya di dalam mana-mana Mahkamah atau mahkamah sivil kerana pelaksanaan apa-apa waran atau perintah yang dia akan terikat untuk melaksanakannya jika dalam bidang kuasa orang yang mengeluarkan waran atau perintah itu.

(4) Tiada seorang pun bailif atau pegawai lain Mahkamah yang dipertanggungjawabkan dengan tugas melaksanakan apa-apa penghakiman atau perintah atau menahan apa-apa harta sebelum penghakiman, boleh dibawa guaman terhadapnya di dalam mana-mana Mahkamah atau mahkamah sivil berkenaan dengan apa-apa harta yang telah disita olehnya, atau berkenaan dengan apa-apa kerosakan yang disebabkan kepada apa-apa harta dalam melaksanakan atau mencuba untuk melaksanakan penyitaan itu, melainkan jika didapati bahawa dia dengan disedarinya telah bertindak melebihi kuasa yang diberikan kepadanya oleh waran atau perintah yang berkenaan itu, dan dia tidaklah boleh disifatkan telah bertindak dengan disedarinya melebihi kuasanya semata-mata oleh sebab dia mengetahui tentang kewujudan suatu pertikaian tentang pemunyaan harta yang disita sedemikian.

Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah

47. (1) Suatu Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah ditubuhkan bagi membuat kaedah tentang tatacara Mahkamah dan perkara lain yang perlu bagi pelaksanaan peruntukan Enakmen ini, kecuali Bahagian II.

(2) Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah hendaklah terdiri daripada—

- (a) Ketua Hakim Syarie sebagai Pengerusi;
- (b) Penasihat Undang-Undang Negeri atau wakilnya; dan
- (c) orang-orang berikut yang dilantik oleh Ketua Hakim Syarie:
 - (i) seorang Hakim Mahkamah Utama Syariah;
 - (ii) seorang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah;
 - (iii) seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah;
 - (iv) Ketua Pendakwa Syarie atau wakilnya;
 - (v) seorang Hakim Mahkamah Rendah Syariah;
 - (vi) seorang Peguam Syarie; dan
 - (vii) seorang pegawai undang-undang yang berkhidmat dengan Jabatan Bantuan Guaman yang ditubuhkan di bawah Akta Bantuan Guaman 1971 [*Akta 26*].

(3) Ketua Pendaftar Mahkamah Utama Syariah hendaklah menjadi Setiausaha kepada Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah dan hendaklah bertanggungjawab bagi melaksanakan keputusan Jawatankuasa itu.

(4) Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah boleh menentukan tatacaranya sendiri.

(5) Semua kaedah yang dibuat oleh Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

Kemudahan dan elaun

48. (1) Hakim Mahkamah Utama Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah yang dilantik bukan daripada kalangan anggota perkhidmatan awam Negeri hendaklah dibayar apa-apa saraan sebagaimana yang diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan atas nasihat Majlis.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Pihak Berkuasa Negeri boleh, setelah berunding dengan Ketua Hakim Syarie, menetapkan apa-apa elaun lain kepada Hakim Mahkamah Utama Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah sekiranya hakim berkenaan dilantik daripada kalangan anggota perkhidmatan awam Negeri.

Kod Etika Hakim Syarie

49. Ketua Hakim Syarie boleh, atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan menetapkan secara bertulis suatu kod etika yang hendaklah dipatuhi oleh semua Hakim Syarie.

Arahan Amalan

50. Ketua Hakim Syarie boleh, dari semasa ke semasa, mengeluarkan apa-apa arahan amalan sebagaimana yang perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan Enakmen ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan tatacara mal Mahkamah Syariah, tatacara jenayah Syariah, keluarga Islam dan keterangan Syariah.

Hukum Syarak

51. (1) Mana-mana peruntukan atau tafsiran peruntukan di bawah Enakmen ini yang berlawanan dengan Hukum Syarak adalah tidak sah setakat mana ia berlawanan.

(2) Jika terdapat apa-apa perkara yang tidak diperuntukkan atau mana-mana peruntukan dalam Enakmen ini tidak menyatakan dengan jelas, Mahkamah hendaklah menggunakan Hukum Syarak.

Pemansuhan

52. Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008 [*Enakmen No. 12/2008*] adalah dimansuhkan.

Kecualian dan peralihan

53. (1) Semua peraturan, kaedah, perisytiharan, perintah, pemberitahuan, notis, borang, surat kebenaran dan pelantikan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah atau menurut kuasa mana-mana peruntukan undang-undang bertulis yang mansuh menurut kuasa oleh Enakmen ini hendaklah terus berkuat kuasa, setakat yang tidak bertentangan dengan Enakmen ini, sehingga dibatalkan atau digantikan oleh peraturan, kaedah, perisytiharan, perintah, pemberitahuan, notis, borang, surat kebenaran dan pelantikan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah Enakmen ini.

(2) Apa-apa prosiding yang belum selesai di hadapan Ketua Hakim Syarie atas kapasitinya sebagai Pengerusi Mahkamah Rayuan Syariah atau menjalankan apa-apa kuasa yang ditetapkan kepadanya mengikut undang-undang Negeri pada tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen ini, hendaklah diteruskan sehingga selesai dan hendaklah disifatkan mempunyai kuasa dan menjalankan semua kuasanya seolah-olah Enakmen ini masih belum berkuat kuasa.

(3) Semua prosiding yang telah dimulakan di bawah Enakmen yang dimansuhkan hendaklah berterusan seolah-olah Enakmen ini tidak diluluskan.

(4) Bagi mengelakkan keraguan dalam menjalankan kuasa, perbicaraan atau rayuan yang berbangkit daripada Enakmen ini, Ketua Hakim Syarie boleh membuat apa-apa arahan yang sewajarnya.

JADUAL

(seksyen 12)

SUMPAH JAWATAN

BAHAGIAN I

KETUA HAKIM SYARIE

“Wallahi Wabillahi Watallahi, Patik,yang telah dilantik memegang jawatan Ketua Hakim Syarie dengan sesungguhnya bersumpah bahawa patik dengan setianya akan menunaikan kewajipan-kewajipan kehakiman patik dalam jawatan itu dengan sedaya upaya patik.

